

UTAMA (/) MENGENAI KAMI (/MENGENAI\_KAMI-1) BAKAL PELAJAR (/UPM/BAKAL\_PELAJAR-10)  
PELAJAR SEMASA (/UPM/PELAJAR\_SEMASA-11) STAF (/UPM/STAF-13) ALUMNI (/UPM/ALUMNI-14)  
PETA LAMAN (/SITEMAP) MAKLUMBALAS (/MAKLUMBALAS)

Carian. BM 

Selamat Datang Ke Laman Portal

Universiti Putra Malaysia



AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2)  
PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan\_kampus-18)

🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » Fakulti Perhutanan anjur Program Kesedaran,  
Pemuliharaan Hutan Batu Kapur

Senarai Berita (/berita)

## Fakulti Perhutanan anjur Program Kesedaran, Pemuliharaan Hutan Batu Kapur

Oleh: Dr. Siti Suriawati Isa



LANGKAWI, 26 Sept – Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan program amali bersepadu bagi pelajar tahun tiga program Bachelo Sains Taman dan Rekreasi (BSTR) di Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan.

Program itu yang menggabungkan aktiviti Kesedaran dan Pemuliharaan Hutan Batu Kapur 2018 di Pulau Langkawi dan Pendang, Kedah di antara Fakulti Perhutanan, UPM dan Queensland University of Technology (QUT), Australia, mendapat sokongan daripada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Penarak Nature Center Sdn Bhd.

Turut serta dalam program itu adalah enam buah sekolah menengah terpilih di seluruh negeri Kedah iaitu SMK Ayer Hangat, SMK Dato' Syed Ahmad, SMK Mahsuri, SMK Merbok, SMK Naka dan SMK Sri Gunong, serta sebuah sekolah rendah iaitu SK Hujung Keton, Pendang.

Ia dirasmikan Pegawai Eksekutif LADA Dato' Haji Azizan Noordin, 17 September lalu di Auditorium LADA.

Pensyarah Kanan Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan, Fakulti Perhutanan UPM, Dr. Siti Suriawati Isa berkata objektif program adalah untuk memberikan kesedaran mengenai kepentingan hutan batu kapur kepada alam sekitar khususnya di Langkawi yang asas pembentukannya adalah batu kapur yang sedang mengalami kepupusan.

"Isu hutan batu kapur sangat jarang di ketengahkan di mana-mana medium sedangkan kewujudannya penting untuk ekosistem di sesuatu tempat dan tempat pembiakan yang baik untuk burung, rama-rama dan reptilia," katanya.

## LIHAT JUGA



ADUN Kota Anggerik perolehi ijazah UPM  
(/berita/adun\_kota\_anggerik\_perc\_mba\_upm-45723)



PELAKON BUAT LIMA KERJA SAT MAMPU RAIH MBA  
(/berita/pelakon\_buat\_lima\_kerja\_mampu\_raih\_mba-45721)



Bapa, anak teruja terima ijazah h sama  
(/berita/bapa\_anak\_teruja\_terima\_yang\_sama-45719)

Entiti Kami

Dokumen



Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan

☎ 1800 22 5587

📠 +603 8948 7273

@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

Beliau berkata, program kesedaran dan pemuliharaan perlu diperkenalkan kepada pelajar di peringkat sekolah kerana mereka bakal menjadi pemimpin negara pada masa hadapan.

“Pendedahan awal kepada pelajar sangat penting untuk mendidik mereka celik mengenai penjagaan alam sekitar. Mereka diharapkan dapat menjadi duta kecil terhadap isu-isu yang melibatkan alam sekitar,” katanya.



Program itu dibahagikan kepada empat bahagian, dengan bahagian pertama melibatkan peserta daripada UPM iaitu 46 orang pelajar, dua pensyarah dan empat staf sokongan, serta peserta QUT yang terdiri daripada 15 pelajar dan dua pensyarah. Mereka melakukan penyelidikan secara saintifik dan sains sosial di kawasan batu kapur di bawah pengurusan Penarak Nature Center Sdn Bhd.

Bahagian kedua pula merupakan aktiviti amali bersepadu oleh pelajar BSTR tahun tiga di sekitar Langkawi.

Bahagian ketiga melibatkan pelajar Fakulti Perhutanan dan QUT yang bergabung tenaga menyertai pertandingan kesedaran dan pemuliharaan batu kapur yang turut disertai enam sekolah menengah terpilih di seluruh negeri Kedah.

SMK Merbok diisytiharkan johan pertandingan, SMK Ayer Hangat sebagai naib johan dan SMK Naka di tempat ketiga.

Jabatan Pendidikan Negeri Kedah turut memberikan kerjasama terhadap program itu dengan menghantar tujuh pegawai daripada Bahagian Teknologi Pendidikan untuk melakukan penggambaran terhadap seluruh program.

Bahagian akhir program itu juga adalah sebahagian daripada inbound program oleh pelajar QUT, Australia yang disertai oleh seramai 88 pelajar pra sekolah sehingga darjah lima daripada SK Hujung Keton, Pendang.

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan



BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Manakala peserta daripada UPM adalah seramai 53 pelajar manakala daripada QUT, Australia lima pelajar. Program turut mendapat kerjasama PIBG SK Hujung Keton dan KEDA. Pelajar didedahkan mengenai pendidikan alam sekitar dengan menggunakan Bahasa Inggeris. - UPM

Tarikh Input: 19/10/2018 | Kemaskini: 19/10/2018 | hairul\_nizam

#### PERKONGSIAN MEDIA

([https://www.addtoany.com/share?url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Ffakulti\\_perhutanan\\_anjur\\_program\\_kesedaran\\_pemuliharaan\\_hutan\\_batu\\_kapur-45383&title=Fakulti%20Perhutanan%20Anjur%20Program%20Kesedaran%20Pemuliharaan%20Hutan%20Batu%20Kapur%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia](https://www.addtoany.com/share?url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Ffakulti_perhutanan_anjur_program_kesedaran_pemuliharaan_hutan_batu_kapur-45383&title=Fakulti%20Perhutanan%20Anjur%20Program%20Kesedaran%20Pemuliharaan%20Hutan%20Batu%20Kapur%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia))  
 (/#facebook) (/#twitter) (/#google\_plus) (/#linkedin)  
 (/#email) (/#copy\_link) (/#wordpress) (/#print)

#### HUBUNGI KAMI

**Universiti Putra Malaysia**  
 43400 UPM Serdang  
 Selangor Darul Ehsan  
 MALAYSIA  
 1800 22 5587  
 603 8948 7273  
[marketing@upm.edu.my](mailto:marketing@upm.edu.my)

#### PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://spln.upm.edu.my>)  
 Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)  
 KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)  
 Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)  
 Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)  
 Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)  
 Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)  
 Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)  
 i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)  
 i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)  
 Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

#### PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (<http://www.moe.gov.my/>)  
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my>)  
 Multimedia Super Corridor (<https://mdec.my/msc-malaysia/>)  
 Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/en/home>)  
 Agensi Kelayakan Malaysia (<http://www.mqa.gov.my/>)

#### PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)  
 Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.tender.kontrakt.upm.edu.r>)  
 Laporan Piagam Pelanggan ([http://www.upm.edu.my/mengenai\\_kami/n8202](http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/n8202))  
 Dasar UPM (<http://www.pnc.upm.edu.my/r>)  
 Sistem Pengurusan ISO (<http://reg.upm.edu>)  
 Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.e>)  
 Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my/k>)  
 Poliklinik Putra Medik (<http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli>)  
 Takwim UPM 2018 (<http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/2018.pdf>)

Dasar Privasi ([footnote/dasar\\_privasi-29949](http://footnote/dasar_privasi-29949))  
 Hakcipta ([footnote/hakcipta-29950](http://footnote/hakcipta-29950)) | [RSS \(/rss\)](#)  
 Penafian ([footnote/penafian-29938](http://footnote/penafian-29938)) | [Bantuan \(/footnote/bantuan-29937\)](#)  
 UPM online ([footnote/upm\\_online-38695](http://footnote/upm_online-38695))  
 Dasar Keselamatan ([footnote/dasar\\_keselamatan-29939](http://footnote/dasar_keselamatan-29939))

© 2018 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL  Emel anda

B1542006598

B1542006598